



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 2 TAHUN 2007

KELONGGARAN SYARAT KELAYAKAN MEMOHON PINJAMAN PENDIDIKAN PTPTN BAGI PELAJAR LEPASAN KOLEJ KOMUNITI DAN POLITEKNIK

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kelonggaran syarat kelayakan memohon Pinjaman Pendidikan PTPTN daripada lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran kepada lulus Sijil Pelajaran Malaysia bagi pelajar-pelajar lepasan sijil Kolej Komuniti dan diploma Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan para 3.1(III) Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2005, semua pelajar IPT termasuk lepasan Kolej Komuniti dan Politeknik perlu lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran bagi melayakkan mereka memohon Pinjaman Pendidikan PTPTN. Walau bagaimanapun syarat kelayakan pinjaman tersebut telah diturunkan kepada lulus Sijil Pelajaran Malaysia sahaja bagi pelajar lepasan sijil Kolej Komuniti dan diploma Politeknik .

PELAKSANAAN

3. Pelajar lepasan sijil Kolej Komuniti yang mendapat tawaran mengikuti pengajian ke peringkat diploma di Politeknik tetapi tidak mempunyai 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia layak memohon Pinjaman Pendidikan PTPTN dengan syarat pelajar mendapat CGPA 3.0 ke atas di peringkat sijil. Walau bagaimanapun pelajar-pelajar Kolej Komuniti yang mengikuti pengajian di peringkat '*bridging*' di Politeknik selama 6 bulan tidak layak memohon pinjaman PTPTN.

4. Pelajar lepasan diploma Politeknik yang mendapat tawaran mengikuti pengajian ke peringkat ijazah di IPTA atau IPTS , juga layak memohon Pinjaman Pendidikan PTPTN walaupun tidak mempunyai 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dengan syarat pelajar memperoleh **CGPA 3.0 ke atas** di peringkat diploma.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2007**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(YUNUS BIN ABD GHANI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

1 November 2007